

# **SISTEM TEMPAHAN PAKAIAN FESYEN BERCETAK (E-VOGUE)**

MUHAMMAD AIMAN BIN KHAIRUL ANUAR  
DR. AZRULHIZAM SHAPI'I

*Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia*

## **ABSTRAK**

Sistem Tempahan Pakaian Fesyen Bercetak (E-Vogue) merupakan sistem berasaskan Web yang diberi nama "E-Vogue" dan tujuan utama sistem ini dibangunkan adalah untuk memberikan kemudahan kepada pelanggan untuk menempah pakaian Fesyen bercetak (Hoodies, Jersi, Topi, T-shirt dan lain-lain) secara dalam talian. Di samping menghubungkan Usahawan percetakan pakaian dengan pelanggan dari seluruh Malaysia yang ingin mencetak pakaian bagi tujuan harian mereka. Sistem ini, menggantikan sistem tempahan secara manual kerana pentadbir sistem boleh menerima tempahan, mengemaskini maklumat produk, dan menyemak maklumat dan tempahan daripada pelanggan. Manakala bagi pelanggan pula, sistem ini juga menyediakan fungsi untuk membuat reka bentuk penyesuaian sendiri atau contoh reka bentuk sedia ada sendiri oleh pengguna. Pelanggan juga boleh menyemak status tempahan baju bercetak mereka melalui sistem E-Vogue ini untuk mengetahui progres tempahan baju oleh pelanggan.

## **1. PENGENALAN**

Perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi khasnya telah banyak menyumbang dalam kemajuan bidang perniagaan. Kini, Internet yang utama adalah sebagai satu platform kepada entiti perniagaan untuk menjalankan aktiviti perniagaan tanpa halangan kos, masa dan tempat. Internet menawarkan banyak kemudahan tambahan kepada perniagaan biasa. Bahkan dalam situasi pandemic COVID-19 ini, perniagaan secara atas talian sangat diperlukan masa kini. Dalam semua perniagaan, keperluan terhadap teknologi yang mampu memudahkan aktiviti perniagaan adalah penting. Pembaharuan yang dapat diberi Internet telah banyak mengubah dan seterusnya mewujudkan model perniagaan menjadikan kebaikan-kebaikan Internet sebagai aset terpenting dalam membantu kejayaan sesebuah perniagaan. Selain daripada itu, Internet turut menawarkan pelbagai peluang dan dua nilai tambah kepada perniagaan yang boleh memberi pulangan yang lumayan jika diuruskan dengan baik. Dari satu sudut, Internet menawarkan pasaran yang terbuka luas kepada entiti perniagaan atau sesiapa sahaja yang mempunyai produk dan perkhidmatan yang boleh ditawarkan kepada pengguna Internet diseluruh dunia

Sistem Tempahan Pakaian Fesyen Bercetak (E-Vogue) merupakan satu sistem perniagaan yang diberi nama "E-Vogue". Sistem ini dicipta bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pelanggan yang ingin mendapatkan perkhidmatan mencetak Hoodies, Jersi, Topi, T-shirt dan lain-lain sama ada dengan memilih reka bentuk yang telah disediakan oleh E-Vogue itu sendiri atau pelanggan tersebut boleh menggunakan reka bentuk mereka sendiri dengan cara memuatnaik gambar reka bentuk baju yang mereka inginkan di dalam laman sesawang E-Vogue tersebut.

Bukan itu sahaja, Sistem E-Vogue ini menyediakan satu antara muka untuk pelanggan yang baru untuk membuat pendaftaran dan log masuk bagi pelanggan yang telah membuat

pendaftaran pada mulanya dan sistem ini diuruskan oleh seorang pentadbir system yang diberikan kebenaran untuk melakukan beberapa proses seperti Log Masuk, Kemaskini data laman sesawang E-Vogue, Semak maklumat pelanggan, Terima tempahan pelanggan, Kemaskini maklumat pelanggan serta pentadbir sistem dan mengemaskini status tempahan.

## **2.PENYATAAN MASALAH**

Kebanyakan perniagaan di Malaysia masih lagi kurang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam operasi perniagaan mereka apatah lagi menggunakan teknologi E-dagang sebagai salah satu cabang pasaran bagi perniagaan mereka. Masih banyak perniagaan sama ada berasaskan produk serta perkhidmatan masih dilakukan secara manual. Antara kelemahan perniagaan biasa adalah pada peringkat awal membina perniagaan, Lazimnya untuk berniaga, seseorang memerlukan premis misalnya kedai atau tapak perniagaan untuk perniagaannya beroperasi dan sebagai tempat untuk bertemu pelanggan. Peniaga juga perlu memberi gaji pekerja, membeli perkakasan dan kelengkapan bersesuaian dengan jenis perniagaan yang mereka jalankan. Keadaan ini bukan lagi satu perkara yang mustahak bagi perniagaan Internet. Tiada halangan modal dalam perniagaan Internet. Pemilik bebas untuk menentukan perniagaan mengikut keupayaan sendiri. Prinsip utama perniagaan Internet adalah meminimalkan keperluan untuk memulakan perniagaan dengan sebaik mungkin. Perkara asas yang perlu oleh perniagaan Internet adalah sebuah laman sesawang yang menerangkan tentang perniagaan mereka, komputer, sambungan Internet jalur lebar dan diurus oleh bilangan pekerja yang minima.

Selain itu, bagi pelanggan yang kurang pasti atau tidak tahu dimana untuk mendapatkan maklumat perkhidmatan dan cara berurusan pasti akan mengalami kesusahan mendapatkan perkhidmatan mencetak baju. Misalnya, pelanggan yang ingin membuat tempahan perlu mencari kedai cetakan baju itu sendiri. Bukan itu sahaja, jika perkhidmatan sebegini dilakukan secara manual, segalanya menjadi terhad tambahan pelanggan perlu membayar deposit untuk baju yang ditempah atau membuat bayaran untuk baju tersebut secara tunai kepada pihak peniaga. Hal ini juga boleh menimbulkan masalah dimana ada sesetengah pelanggan tidak suka membuat bayaran secara tunai atau pelanggan tidak percaya terhadap peniaga itu.

Tambahan pula, jika perkhidmatan secara dalam talian seperti Sistem tempahan pakaian fesyen bercetak (E-Vogue) ini tidak disediakan, pelanggan boleh menghadapi kesukaran dalam berurusan dengan pihak peniaga contohnya berurusan untuk mendapatkan status berkaitan baju tempahan mereka. Sebelum ini, pelanggan yang ingin berurusan dengan pihak peniaga hanya boleh berkomunikasi melalui pesanan ringkas (SMS), Whatsapp, melalui panggilan telefon atau perlu terus ke kedai tersebut dimana melalui cara ini secara tidak langsung akan membazirkan kos dan juga masa. Komunikasi antara pelanggan dan peniaga tersebut juga agak terbatas oleh kerana kadang-kala peniaga itu sendiri tidak memberkian kerjasama dengan sebaiknya seperti tidak memberi tindak balas serta menjawab panggilan telefon dengan segera. Akhir sekali, berkenaan pengurusan operasi perniagaan iaitu secara manual. Pemantauan dan kaedah merekod pelanggan yang berkehendakan perkhidmatan didalam buku pesanan tidak begitu konsisten dan tidak sistematik serta kadangkala akan terlepas pandang yang boleh menyebabkan perniagaan berpotensi untuk kehilangan pelanggan serta kepercayaannya.


### **3.OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif bagi pelaksanaan projek ini adalah seperti yang berikut:-

- 1) Membangunkan sistem menempah baju bercetak mengikut rekabentuk yang menarik yang disediakan atau memuat naik rekaan sendiri oleh pengguna.
- 2) Membangunkan sistem yang boleh menghubungkan peniaga-peniaga percetakan pakaian dengan pelanggan serata Malaysia ke arah digitalisasi E-dagang pada era COVID-19 kini.
- 3) Menguji sistem dengan menggunakan kaedah penilaian yang sesuai sama ada dari segi analisis teknikal sistem atau mendapatkan maklumbalas daripada pengguna, Sistem Pesanan tempahan, Sistem Jualan pakaian dan Sistem Kawalan stok pakaian yang akan menggunakan teknik pengolahan data dengan pemprosesan kelompok.

#### 4.METOD KAJIAN

Metodologi merupakan satu pendekatan atau garis panduan yang digunakan untuk membantu menyelesaikan masalah. Ianya terdiri daripada penerangan yang mendalam berkenaan kaedah-kaedah yang dijalankan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Pemilihan metodologi merupakan satu perkara penting dalam pembangunan sesuatu projek supaya dapat memastikan projek dapat dibangunkan mengikut kaedah yang teratur dan sistematik. Metodologi yang sesuai penting untuk membangunkan sistem kerana metodologi yang dipilih terlibat secara tidak langsung dalam penggunaan masa, kos dan sumber.



Rajah 4.1 : Model Air Terjun

Metodologi yang digunakan bagi membangunkan sistem tempahan pakaian fesyen bercetak (E-Vogue) adalah model Air Terjun (Waterfall Model). Metodologi ini dipilih kerana aktiviti yang dilakukan untuk membangunkan projek ini adalah mengikut turutan. Metodologi ini terdiri daripada 5 fasa iaitu fasa perancangan, fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa implementasi, dan fasa pengujian. Pemilihan model ini dilakukan adalah kerana fasa-fasa adalah berjujukan dimana output fasa pertama mengalir ke fasa kedua dan seterusnya linear. Selain itu, air terjun juga mudah dipantau kemajuannya.

#### **i) Fasa Perancangan**

Fasa perancangan projek ini adalah fasa pertama yang dilakukan mengikut model air terjun. Fasa ini melibatkan proses mengenalpastian masalah, objektif, persoalan kajian, dan menentukan skop. Langkah seterusnya adalah sorotan susastera yang melibatkan pengumpulan, pencarian dan pembacaan jurnal dan kajian bagi mencetus idea dan inspirasi. Dengan adanya perancangan projek, pendekatan pembangunan, faedah dan juga anggaran kos dalam sesebuah projek dikenalpasti.

#### **ii) Fasa Analisis**

Fasa ini kebiasaannya merupakan fasa bagi pembangun perisian membincangkan keperluan yang telah dimuktamadkan oleh pengguna dan telah ditentukan aliran kerjanya, penyesuaian dengan data yang diperlukan serta memastikan setiap kehendak pengguna diambil kira. Analisis terhadap sistem adalah sangat penting bagi mengetahui kelemahan-kelemahan yang dihadapi oleh sistem semasa. Sistem sedia ada yang telah dikaji dijadikan sebagai rujukan bagi memudahkan maklumat yang dikumpul dianalisis. Tujuan

mengkaji sistem ini adalah untuk membangunkan sebuah sistem yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak pengguna.

### iii) **Fasa Rekabentuk**

Di dalam fasa reka bentuk, tindakan yang diambil selalunya melibatkan rupa bentuk perisian tersebut. Fasa ini juga merupakan fasa yang penting dalam keseluruhan projek. Ia juga melihat kepada struktur perisian tersebut dan fungsi yang disediakan. Dalam fasa ini juga, E-Vogue dapat mengenalpasti bagaimana sistem ini beroperasi dan akan memastikan hasil reka bentuknya berkualiti dan mematuhi kehendak pengguna.

### iv) **Fasa Implementasi**

Dalam fasa ini, E-Vogue dibangunkan dan diuji sama ada ia dapat berfungsi seperti mana yang direka bentukkan. Fasa ini dijalankan bertujuan mengenalpasti bahawa sistem yang dibangunkan bebas daripada sebarang kesalahan. Ia juga digunakan untuk membangunkan sistem yang sesuai dengan persekitaran, pembangunan dan perkakasan. Dalam fasa ini juga, Implementasi merupakan proses di mana reka bentuk sistem diterjemahkan kepada kod menggunakan pengaturcaraan PHP dengan dibantu pangkalan data MySQL. Selain itu, perkakasan dan perisian yang diguna untuk membangunkan projek juga haruslah dipilih dengan teliti. Hal ini adalah kerana perkakasan dan perisian yang baik berfungsi dengan lancar serta menyokong pembangunan sistem tempahan baju bercetak berasaskan web. Senarai spesifikasi keperluan perkakasan perisian yang dicadang untuk menghasil sistem E-Vogue adalah seperti berikut :-

| <b>Jenis Perkakasan</b>            | <b>Spesifikasi</b>                       |
|------------------------------------|--|
| <b>Pemprosesan</b>                 | Intel ® Core ™ i3-4030U CPU @<br>1.90GHz |
| <b>Ingatan Capaian Rawak (RAM)</b> | 4.00GB                                   |
| <b>Sistem Pengoperasian</b>        | Windows 8.1                              |
| <b>Peranti Lain</b>                | Papan Kekunci, Tetikus, Cakera Keras     |

| <b>Jenis Perkakasan</b>        | <b>Spesifikasi</b>     |
|--------------------------------|------------------------|
| <b>Perisian Pembangunan</b>    | Sublime, Apache, Xampp |
| <b>Perisian Pangkalan Data</b> | MySQL                  |
| <b>Enjin Carian</b>            | Google Chrome          |

Rajah 4.2 : Senarai spesifikasi keperluan perkakasan perisian

#### v) Fasa Pengujian



Fasa pengujian ini bertujuan menguji keupayaan sistem dalam memenuhi pengguna. Segala fungsi yang telah dibina pada sistem ini diuji bagi memastikan ia dapat mengendalikan proses input dan output dengan berkesan. Sekiranya gagal mencapai objektif projek, penyelarasan perlu dijalankan atau mengimbas kemabli fasa analisis bagi membuat penambahbaikan kajian yang mendalam.


## **5. HASIL KAJIAN**

Dalam bab ini akan menerangkan serba sedikit berkenaan proses pembangunan dalam sepanjang tempoh menghasilkan Sistem Tempahan Pakaian Bercetak (E-Vouge) . Di dalam bab ini, perkara-perkara seperti teknologi yang dipilih, kod-kod kritikal dan beberapa modul, komponen, perpustakaan dan pangkalan data yang penting akan diperincikan. Antara muka pengguna (*front-end dan back-end*) perisian/sistem/teknologi akan diletakkan juga untuk membantu pembaca menggambarkan proses pembangunan dengan lebih baik. Keseluruhan sistem E-Vouge ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu paparan untuk pengguna(Pelanggan) dan *admin*. Bab ini merupakan kesinambungan dari dokumen D4 yang telah disiapkan pada semester lalu dan sebahagian maklumat yang terdapat disini telah diambil dari dokumen D4. Perkara-perkara yang disebutkan di dalam bab ini seperti senibina

Skop laman web “E-Vouge” ini merupakan sistem yang berasaskan konsep “Air Terjun” iaitu konsep yang mudah difahami kerana fasanya yang terus kedepan. Setiap fasa-fasa “Air Terjun” perlu dilalui mengikut turutan tanpa sebarang langkauan. Hal ini penting bagi memastikan setiap fungsian diteliti dan dihasilkan dengan baik sebelum dimasukkan kepada sistem utama. Projek ini dibangunkan menggunakan “persekitaran pembangunan bersepadu” (Integrated Development Environment, IDE) yang bernama “Microsoft Visual Studio Code”. “Microsoft Visual Studio Code” dipilih kerana ia menyediakan persekitaran untuk mengaturcara sistem pelbagai peranti termasuklah peranti yang akan digunakan di dalam projek ini iaitu telefon pintardan laman web. Selain itu, “Visual Studio Code” juga menyokong bahasa pengaturcaraan Java, JavaScript, HTML, CSS, JSON yang akan digunakan sepanjang proses pembangunan.




Rajah 5.1 : Paparan muka depan “Pelayan(*Admin*)”Rajah 5.2 : Paparan muka depan “Pelanggan(*Pengguna*)”



-033

Rajah 5.3 : Paparan muka mereka bentuk (*Custom Design*)




Rajah 5.4 : Sebahagian Pengaturcaraan bagi “Index.php” Paparan Penggunaan

Bagi reka bentuk senibina pula, E-Vouge dibangunkan dalam model senibina *Client-Server-Architecture*. Sepertimana nama model ini, *Client-Server-Architecture* dapat membantu di mana pelayan menghos, menghantar dan mengurus kebanyakan sumber dan perkhidmatan untuk digunakan oleh pelanggan. Seni bina jenis ini mempunyai satu atau lebih komputer klien yang disambungkan ke pelayan pusat melalui rangkaian atau sambungan internet. Sistem ini berkongsi sumber pengkomputeran. Seni bina klien/pelayan juga dikenali sebagai model pengkomputeran rangkaian atau rangkaian klien/pelayan kerana semua permintaan dan perkhidmatan dihantar melalui rangkaian.. Manakala, bagi pangkalan data pula, Sistem E-Vouge ini akan menggunakan pangkalan data dari PHP MyAdmin yang juga digunapakai kerana ia merupakan pangkalan data MySQL.

## 5.2 PROSES PEMBANGUNAN

### 5.2.1 : Teknologi yang dipilih

Sistem Tempahan Pakaian Bercetak (E-Vouge) dibangunkan dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan PHP manakala Xampp digunakan sebagai pelayan sementara semasa proses pembangunan. Manakala bagi bahagian pangkalan data pula, PHP MyAdmin juga digunapakai kerana ia merupakan pangkalan data MySQL. Hala ini kerana ianya sapat menguruskan pangkalan data dengan keupayaan tinggi yang dapat memaksimumkan kelajuan dan kestabilan. Selain itu, Bootstrap juga digunakan dalam pembangunan sistem ini, Bootstrap merupakan bahasa pengaturcaraan yang digunakan dalam HTML, CSS dan rangka kerja (*Framework*) JavaScript. Fasa pembangunan ini telah menggunakan perisian Microsoft Visual Studio Code versi 1.55 sebagai platform penyunting kod bagi keseluruhan pembangunan sistem ini.



```
includes > main-header.php > div.main-header > div.container > div.row > div.col-xs-12.col-sm-12.col-md-3.logo-holder > div.logo > a > h2
main-header.php includes
1 <?php
2
3
4 if(isset($_GET['action'])){
5     if(!empty($_SESSION['cart'])){
6         foreach($_POST['quantity'] as $key => $val){
7             if($val=0){
8                 unset($_SESSION['cart'][$key]);
9             }else{
10                $_SESSION['cart'][$key]['quantity']=$val;
11            }
12        }
13    }
14 }
15 >?
16 <div class="main-header">
17     <div class="container">
18         <div class="row">
19             <div class="col-xs-12 col-sm-12 col-md-3 logo-holder">
20                 <!-- LOGO -->
21                 <div class="logo">
22                     <a href="index.php">
23                         
24                         <h2>E-Vouge Portal</h2>
25                     </a>
26                 </div>
27             </div>
28             <div class="col-xs-12 col-sm-12 col-md-6 top-search-holder">
29                 <div class="search-area">
30                     <form name="search" method="post" action="search-result.php">
```

Rajah 5.5 : Microsoft Visual Studio Code

## 5.2.2 : Segmen Kod Kritikal

Bahagian ini akan menerangkan mengenai segmen kod kritikal di mana setiap segmen tersebut akan menunjukkan proses-proses yang akan dijalankan oleh sistem. Disamping itu juga, bahagian ini juga akan menjelaskan bagaimana kod pengaturcaraan pada segmen tersebut berfungsi bagi menghasilkan proses yang diperlukan. Bahagian ini akan melibatkan beberapa segmen kod kritikal yang terdiri dari fungsi daftar akaun, log masuk, membina/mencipta produk baru, dan menyunting produk

```

1  <?php
2  session_start();
3  error_reporting(0);
4  include('includes/config.php');
5  // Code user Registration
6  if(isset($_POST['submit']))
7  {
8  $name=$_POST['fullname'];
9  $email=$_POST['emailid'];
10 $contactno=$_POST['contactno'];
11 $password=md5($_POST['password']);
12 $query=mysqli_query($con,"insert into users(name,email,contactno,password) values('$name','$email','$contactno','$pas
13 if($query)
14 {
15     echo "<script>alert('You are successfully register');</script>";
16 }
17 else{
18 echo "<script>alert('This email has already registered');</script>";
19 }
20 }

```

Rajah 5.6 : Proses memeriksa kewujudan akaun berdaftar

Rajah 5.6 menunjukkan proses yang berlaku ketika mendaftar akaun di mana sistem akan memeriksa maklumat yang didaftarkan oleh pengguna sudah berdaftar ataupun belum melalui input email pengguna. Sekiranya input email yang dimasukkan tiada rekod pendaftaran di dalam pengkalan data maka sesi pendaftaran pengguna akan diteruskan manakala sekiranya input email yang dimasukkan ada di dalam rekod pendaftaran di pengkalan data maka sesi pendaftaran tidak akan dapat diteruskan serta sistem akan memberikan mesej “This email has already registered”.

```
if([empty($id_pengguna_err) && empty($email_err) && empty($nama_err)
&& empty($password_err) && empty($confirm_password_err) &&
empty($nama_uni_err) && empty($cawangan_uni_err) && empty($kursus_err)]);
```

Rajah 5.7 : Proses memeriksa input pendaftaran

Rajah 5.7 menunjukkan proses yang berlaku ketika mendaftar akaun di mana sistem akan memeriksa sama ada semua input yang diperlukan sudah dimasukkan atau pun tidak. Sekiranya terdapat input yang tidak dimasukkan, maka sistem akan kembali semula ke halaman pendaftaran dan memberikan mesej kepada pengguna input tersebut perlu dimasukkan.

```
$sql = "INSERT INTO users_opdp (id_pengguna, email, nama, password
if($stmt = mysqli_prepare($link, $sql)){
    // Bind variables to the prepared statement as parameters
    mysqli_stmt_bind_param($stmt, "sssssss", $param_id_pengguna, $
    // Set parameters
    $param_id_pengguna = $id_pengguna;
    $param_email = $email;
    $param_nama = $nama;
    $param_password = password_hash($password, PASSWORD_DEFAULT);
```

Rajah 5.8 : Proses algoritma hash katalaluan

| id | name | email            | contactno  | password                         |
|----|------|------------------|------------|----------------------------------|
| 2  | Amit | amit@gmail.com   | 8285703355 | 5c428d8875d2948607f3e3fe134d71b4 |
| 3  | hg   | hgfhgf@gmass.com | 1121312312 | 827ccb0eea8a706c4c34a16891f84e7b |
| 4  | abc  | abc@gmail.com    | 123        | 900150983cd24fb0d6963f7d28e17f72 |

Rajah 5.9 : Data pengguna di dalam pengkalan data

Rajah 5.8 menunjukkan proses yang berlaku ketika mendaftar akaun di mana sistem akan menyimpan input katalaluan yang didaftarkan oleh pengguna ke dalam pengkalan data menggunakan teknik algorithma hash. Hasil penggunaan algorithma hash dapat dilihat di dalam rajah 5.9. Melalui teknik ini, katalaluan pengguna dapat dijaga dan tidak di salah gunakan.


```

Run Terminal Help insert-product.php - evouge - Visual Studio Code
... insert-product.php X
admin > insert-product.php > ...
4 include('include/config.php');
5 if(strlen($_SESSION['alogin'])==0)
6 {
7 header('location:index.php');
8 }
9 else{
10
11 if(isset($_POST['submit']))
12 {
13 $category=$_POST['category'];
14 $subcat=$_POST['subcategory'];
15 $productname=$_POST['productName'];
16 $productcompany=$_POST['productCompany'];
17 $productprice=$_POST['productprice'];
18 $productpricebd=$_POST['productpricebd'];
19 $productdescription=$_POST['productDescription'];
20 $productscharge=$_POST['productShippingcharge'];
21 $productavailability=$_POST['productAvailability'];
22 $productimage1=$_FILES["productimage1"]["name"];
23 $productimage2=$_FILES["productimage2"]["name"];
24 $productimage3=$_FILES["productimage3"]["name"];
25 //for getting product id
26 $query=mysqli_query($con,"select max(id) as pid from products");
27 $result=mysqli_fetch_array($query);
28 $productid=$result['pid']+1;
29 $dir="productimages/$productid";
30 if(!is_dir($dir)){
31 mkdir("productimages/".$productid);
32 }
33
34 move_uploaded_file($_FILES["productimage1"]["tmp_name"],"productimages/$productid/".$_FILES["productimage1"]["name"]);
35 move_uploaded_file($_FILES["productimage2"]["tmp_name"],"productimages/$productid/".$_FILES["productimage2"]["name"]);
36 move_uploaded_file($_FILES["productimage3"]["tmp_name"],"productimages/$productid/".$_FILES["productimage3"]["name"]);
37 $sql=mysqli_query($con,"insert into products(category,subCategory,productName,productCompany,productPrice,productDescription,shippingCharge,productAV
38 $_SESSION['msg']="Product Inserted Successfully !!";
39
40 }
41

```

Rajah 5.10 : Segmen Kod membina/mencipta produk baru

Rajah 5.10 menunjukkan segmen kod untuk menambah/membina produk baru. Pelayan(Admin) boleh mengisi kategori, nama, harga, jenama produk, butiran produk, bilangan stok, dan gambar produk sebagai paparan produk baharu di dalam sistem E-Vouge.



```

edit-products.php - evouge - Visual Studio Code
admin > edit-products.php > ...
142 </div>
143
144
145 <div class="control-group">
146 <label class="control-label" for="basicinput">Product Name</label>
147 <div class="controls">
148 <input type="text" name="productName" placeholder="Enter Product Name" value="<?php echo htmlentities($row['productName']);?>" class="span8 tip" >
149 </div>
150 </div>
151
152 <div class="control-group">
153 <label class="control-label" for="basicinput">Product Company</label>
154 <div class="controls">
155 <input type="text" name="productCompany" placeholder="Enter Product Comapny Name" value="<?php echo htmlentities($row['productcompany']);?>" class="span8 tip" require
156 </div>
157 </div>
158 <div class="control-group">
159 <label class="control-label" for="basicinput">Product Price Before Discount</label>
160 <div class="controls">
161 <input type="text" name="productpricebd" placeholder="Enter Product Price" value="<?php echo htmlentities($row['productPriceBeforeDiscount']);?>" class="span8 tip" r
162 </div>
163 </div>
164
165 <div class="control-group">
166 <label class="control-label" for="basicinput">Product Price</label>
167 <div class="controls">
168 <input type="text" name="productprice" placeholder="Enter Product Price" value="<?php echo htmlentities($row['productPrice']);?>" class="span8 tip" required.
169 </div>
170 </div>
171
172 <div class="control-group">
173 <label class="control-label" for="basicinput">Product Description</label>
174 <div class="controls">
175 <textarea name="productDescription" placeholder="Enter Product Description" rows="6" class="span8 tip">
176 <?php echo htmlentities($row['productDescription']);?>
177 </textarea>

```


Rajah 5.11 : Segmen Kod menyunting produk sedia ada

Rajah 5.11 menunjukkan segmen kod menyunting produk oleh Pelayan(Admin). Segmen ini akan memanggil *Data Query* daripada pangkalan data sistem untuk menyampaikan maklumat yang disimpan dan membenakan pelayan(Admin) untuk mengubah data tersebut dan disimpan semula di dalam sistem.



## 5.2.3: PANGKALAN DATA

Dalam fasa pembangun ini, phpMyAdmin adalah pengkalan data yang akan menyimpan segala data bagi sistem tempahan pakaian fesyen bercetak (E-Vouge). PhpMyAdmin dapat digunakan menjadi pengkalan data masa nyata (realtime database). Di dalam projek ini, sistem E-Vouge akan melibatkan 10 entiti iaitu admin, category, orders, ordertrackhistory, productreviews, products, subcategory, userlog, users, dan wishlist. Rajah 5.10 menunjukkan paparan pengguna di phpMyAdmin di mana segala jadual penyimpanan data yang terlibat di dalam pembangunan ini dibina. Manakala Rajah 5.11 sehingga Rajah 5.20 pula menunjukkan antara beberapa jadual utama yang terlibat dalam pembangunan sistem ini.



Rajah 5.10 : Paparan phpMyAdmin



| #                        | Name           | Type         | Collation         | Attributes | Null | Default             | Comments | Extra          |
|--------------------------|----------------|--------------|-------------------|------------|------|---------------------|----------|----------------|
| <input type="checkbox"/> | 1 id           | int(11)      |                   |            | No   | None                |          | AUTO_INCREMENT |
| <input type="checkbox"/> | 2 username     | varchar(255) | latin1_swedish_ci |            | No   | None                |          |                |
| <input type="checkbox"/> | 3 password     | varchar(255) | latin1_swedish_ci |            | No   | None                |          |                |
| <input type="checkbox"/> | 4 creationDate | timestamp    |                   |            | No   | current_timestamp() |          |                |
| <input type="checkbox"/> | 5 updationDate | varchar(255) | latin1_swedish_ci |            | No   | None                |          |                |

Rajah 5.11 : Jadual pengguna sebagai “Admin”

| #                        | Name                  | Type         | Collation         | Attributes | Null | Default             | Comments | Extra          |
|--------------------------|-----------------------|--------------|-------------------|------------|------|---------------------|----------|----------------|
| <input type="checkbox"/> | 1 id                  | int(11)      |                   |            | No   | None                |          | AUTO_INCREMENT |
| <input type="checkbox"/> | 2 categoryName        | varchar(255) | latin1_swedish_ci |            | Yes  | NULL                |          |                |
| <input type="checkbox"/> | 3 categoryDescription | longtext     | latin1_swedish_ci |            | Yes  | NULL                |          |                |
| <input type="checkbox"/> | 4 creationDate        | timestamp    |                   |            | No   | current_timestamp() |          |                |
| <input type="checkbox"/> | 5 updationDate        | varchar(255) | latin1_swedish_ci |            | Yes  | NULL                |          |                |

Rajah 5.12 : Jadual Kategori produk

| #                        | Name            | Type         | Collation         | Attributes | Null | Default             | Comments | Extra          |
|--------------------------|-----------------|--------------|-------------------|------------|------|---------------------|----------|----------------|
| <input type="checkbox"/> | 1 id            | int(11)      |                   |            | No   | None                |          | AUTO_INCREMENT |
| <input type="checkbox"/> | 2 userId        | int(11)      |                   |            | Yes  | NULL                |          |                |
| <input type="checkbox"/> | 3 productId     | varchar(255) | latin1_swedish_ci |            | Yes  | NULL                |          |                |
| <input type="checkbox"/> | 4 quantity      | int(11)      |                   |            | Yes  | NULL                |          |                |
| <input type="checkbox"/> | 5 orderDate     | timestamp    |                   |            | No   | current_timestamp() |          |                |
